

[Home](#) / [2025](#) / [June](#) / UiTM Pulau Pinang dan PPUSMB Perkukuh Kolaborasi Penyelidikan Rentas Disiplin

## SINERGI

30/06/2025 / IR TS DR KHAIRUL AZMAN AHMAD



**BERTAM, 13 Jun 2025** – Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Pulau Pinang terus memperkukuh jaringan strategik dalam bidang penyelidikan apabila menjalin kerjasama rasmi bersama **Pusat Perubatan Universiti Sains Malaysia Bertam (PPUSMB)**.

Lawatan rasmi yang berlangsung di **Bilik Seminar, Kompleks Penyelidikan Haiwan (ARC)**, **PPUSMB** ini melibatkan dua kumpulan penyelidikan utama UiTM, iaitu **Advance Control Systems**

**and Computing Research Group (ACSCRG) dan Advanced Rehabilitation Engineering in Diagnostic and Monitoring Research Group (AREDiM).**

Program yang bermula seawal jam 9.00 pagi memberi tumpuan kepada perbincangan strategik merangkumi **pemohonan geran penyelidikan, pertukaran pelajar, penerbitan bersama, pemanfaatan makmal dan fasiliti penyelidikan**, serta pembangunan produk inovatif yang berpotensi untuk difailkan sebagai paten.





Menurut **Profesor Dr. Badrul Hisham Yahaya**, Timbalan Pengarah (Penyelidikan dan Jaringan) PPUSMB, kolaborasi ini membuka ruang luas kepada sinergi rentas disiplin yang mampu memberi impak besar kepada pembangunan sains dan teknologi negara. “Kami melihat banyak peluang kerjasama antara kedua-dua institusi, termasuk dalam pemohonan geran nasional dan antarabangsa

serta projek bersama industri,” ujarnya.



Sementara itu, **Prof. Madya Ir. Ts. Dr. Hajah Siti Noraini Sulaiman**, Timbalan Rektor (Hal Ehwal Akademik) UiTM Cawangan Pulau Pinang, menegaskan komitmen universiti dalam membina kerjasama jangka panjang bersama USM, khususnya dalam bidang teknologi kejuruteraan yang boleh diaplikasikan dalam sektor kesihatan. “Kepakaran ahli kumpulan penyelidikan kami, termasuk SIG dan RIG, bersedia untuk menyumbang kepada penyelidikan berimpak tinggi yang menyokong agenda inovasi negara,” katanya.

Beliau turut memperkenalkan kemudahan penyelidikan dan peralatan canggih milik UiTM yang boleh dimanfaatkan secara bersama, sejajar dengan aspirasi universiti untuk memperkukuh ekosistem penyelidikan dan inovasi melalui kolaborasi antara institusi.

Kerjasama ini dijangka menjadi pemangkin kepada pembangunan penyelidikan transdisiplin yang lebih mampan dan berimpak tinggi, selaras dengan matlamat UiTM sebagai peneraju kecemerlangan akademik dan penyelidikan di peringkat nasional dan global.



Tags: [Fakulti Kejuruteraan Elektrik \(FKE\)](#), [Pengajian Kejuruteraan Elektrik \(PKE\)](#), [Pusat Perubatan Universiti Sains Malaysia Bertam \(PPUSMB\)](#), [UiTM Cawangan Pulau Pinang](#), [Universiti Teknologi MARA \(UiTM\)](#)

□ UiTM Seremban Terima Sumbangan Strategik daripada Persatuan Ekologi Malaysia bagi Menyokong Inisiatif Kelestarian Kampus

FPHP Students Engage in SULAM-Focused Academic Visit to Vietnam, Championing Sustainability and Global Citizenship □

## QUICK LINKS

[Ministry of Higher Education](#)  
[Academic Calendar](#)  
[Intake Calendar](#)  
[Graduate Quick Search](#)  
[Library](#)  
[UiTM Holdings](#)  
[WiFi UiTM](#)  
[E-Complaint](#)

## HUBUNGI KAMI

Universiti Teknologi MARA (UiTM)  
40450 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan  
Malaysia  
  
Tel: +603-5544 2051 / 2000

